



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 28 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	1,961 ANAK POKOK SELUDUP DIRAMPAS, NASIONAL, BH -14 1,961 ANAK POKOK TANPA PERMIT SAH DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -35 FERTILIZER AND SPINACH SEEDS WERE SEIZED, NEWS, MAKKAL OSAI -2	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7.	BEKALAN BAWANG PULIH FEBUARI, NASIONAL, SH -8 BEKALAN DIJANGKA PULIH FEBUARI DEPAN, NASIONAL, BH -4 KRISIS BAWANG HANYA SEMENTARA, LOKAL, HM -8 FAMA: SUPPLY OF INDIAN RED ONIONS TO BE RESTORED BY FEBUARY, NATION, THE STAR -6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10.	PESAWAH RUGI RM2 JUTA, LOKAL, HM -26 SCHOOLING AID FOR 51 LPP EMPLOYEES CHILDREN, NEWS, MAKKAL OSAI -2 LPP TEROKA PENANAMAN ELAK BERGANTUNG NEGARA LUAR, NASIONAL, BH -5	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
11.	BAWANG DARI MALAYSIA BERLAMBAK DI THAILAND, NASIONAL, BH -5	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

1,961 anak pokok seludup dirampas

Rantau Panjang: Polis merampas 1,961 anak pokok yang diseludup dari Thailand di pangkalan haram Limau Purut, di sini.

Rampasan dilakukan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) Rabu lalu, sebelum anak pokok itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuaranin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan.

Pengarah MAQIS Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata pengimport tamak apabila membawa masuk anak pokok dari Thailand ke Malaysia tanpa membayar cukai kerajaan dan caj permit import.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan, anak pokok dirampas membabitkan pelbagai jenis tanaman komersial dan pokok hiasan antaranya mata kucing, bunga ros, bunga sundel malam, bonzai, kelapa pandan, limau nipis, avocado dan pokok kembang.

Semua anak pokok ini dirampas kerana kesalahan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Mengikut akta terbabit, barang diimport dan dieksport perlu mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan MAQIS bagi memastikan kawalan penyakit ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan.



Pegawai MAQIS Kelantan menunjukkan sebahagian anak pokok yang dirampas anggota PGA7 di pangkalan haram Limau Purut, Rantau Panjang.
[Foto ihsan MAQIS]

"Sabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Mohd Azam berkata, pihak MAQIS akan menjalankan siasatan terhadap kes berkenaan dan memastikan pesalah dikenakan hukuman setimpal. Beliau memandang positif hasil kerjasama baik MAQIS bersama agensi penguatkuasaan sempadan lain yang terus komited kerana dapat menggagalkan cubaan membawa masuk anak

pokok tanpa permit.

"MAQIS bertanggungjawab memastikan tiada penyakit dan risiko kemasukan perosak serta keselamatan makanan, selain akan terus komited dalam membantaras peryeludupan hasil pertanian," katanya.

28/12/2019

SINAR
HARIAN

SINAR NEGERI

KELANTAN

35

1,961 anak pokok tanpa permit sah dirampas

RANTAU PANJANG - Tindakan pengimport anak pokok komersial dan hiasan membawa masuk 1,961 anak pokok tanpa permit sah melalui pangkalan haram Limau Purut gagal apabila berjaya dihidu pihak berkuasa kelmarin.

Dalam kejadian tersebut, Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan merampas sejumlah 481 anak pokok seperti mata kucing, bunga ros, sundal malam dan bonzai dari Thailand tanpa permit sah sekitar jam 5.15 petang.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, hasil pemeriksaan pihaknya mendapati kegiatan itu dilakukan segelintir pengimport bagi mengaut keuntungan lebih dengan cara mudah.

"Semua barang rampasan berkenaan ditahan kerana hasil pertanian itu berada di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kesemua barangan rampasan bernilai RM1,000 serta sebuah Lori kemudiannya diserahkan kepada Maqis Kelantan untuk tindakan lanjut.

Dalam kes berasingan, Mohd



Pegawai Maqis menunjukkan sebahagian daripada anak pokok yang dirampas oleh PGA Batalion 7 dan diserahkan kepada Maqis untuk tindakan lanjut.

Azam berkata, pada hari sama, pihaknya turut menerima serahan kes daripada PGA Batalion 7 melibatkan rampasan 1,480 anak pokok kelapa pandan, lima nipis, avocado dan anak pokok kembang.

Katanya, anak pokok terbabit dibawa masuk ke Malaysia dari

Thailand melalui Sungai Golok tanpa sebarang dokumen sah dipercayai untuk pasaran tempatan.

"Kedua-dua kes akan disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Headline	Fertilizer and spinach seeds were seized		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	28 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	403 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 2,638
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,913



கீரை விதை, உரம் கடத்தும் முயற்சி முறியடிப்பு

சிப்பாங்கு, 28-12-2019
இங்குள்ள கோலஜூ & மிமாஸ் நிலையத்தில் ஆலோசனை தராமல் கடத்தி வந்த காய்கறி (பாயம்) விதை, ஆர்கானிக் உரம் பறிமுதல் செய்யப்பட்டுள்ளது.
 மலேசிய கப்பல்துறையின் உதவியோடு விவசாயம், வேளாண்மை சந்தை தொழில்துறை அமைச்சின் கீழ் செயல்படும் மலேசிய தடுப்பு மற்றும் ஆய்வு இன்ஸ்டிடியூட் (MAQIS) இந்த பறிமுதல் நடவடிக்கையை மேற்கொண்டது.
 அந்த ஆடவர் சுமார் 30 கிலோ எடைவிலான பாயம் கீரை விதைகளை 9 லட்டைகளிலும் 10 கிலோ எடைவிலான ஆர்கானிக் மண் உரத்தை 1 லட்டைகளிலும் தாட்டிற்குள் கொண்டு வர முயற்சி செய்துள்ளார்.
 இந்தப் பொருட்களை தாட்டிற்குள் இறக்குமதி

செய்வதற்கான இறக்குமதி மற்றும் விவசாய ஆய்வு ஒப்புதல் சான்றிதழ்கள் ஏதும் அந்த நபர் கொண்டிருக்கவில்லை.
 இதன் பேரில் அந்த ஆடவர் மீது 2011 மலேசிய தடுப்பு மற்றும் ஆய்வு இன்ஸ்டிடியூட் (202), பிரிவு 11 (1) கீழ் வழக்கு பதிவு செய்யப்பட்டுள்ளது. குற்றம் திருப்திகரப்பட்டால் அந்த ஆடவருக்கு ரொ. 100,000 அபராதம் அளவறு 6 மாதங்களை சிறை அல்லது இரண்டு மாதங்களை வசூலிப்பதற்கான தடயத்துள் கொண்டு வரப்படும் உணவு



வகை கள் அனைத்தும் முறையான ஆலோசனைகளை கொண்டிருக்க வேண்டும் என்பதில் மலேசிய தடுப்பு மற்றும் ஆய்வு இன்ஸ்டிடியூட்டும் செலுத்தி வருகின்றது. இதனை முன் வைத்து பரபரப்பை அடக்கக் கற்று போடு செயல்படுத்தப்பட்டுள்ளன என அப்பிரிவின் துறிகளையில் தெரிவிக்கப்பட்டுள்ளது.

Bekalan bawang pulih Februari

Harga naik kerana negara India mengalami banjir teruk

BUKIT MERTAJAM

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (EAMA) menjangkakan bekalan bawang merah India yang berkurangan sehingga berlaku kenaikan harga di negara ini pulih menjelang Februari tahun depan.

Pengerusi FAMA, Is-hak Ismail berkata, krisis kekurangan bekalan bawang India itu berlaku sejak tiga bulan lepas berikutan banjir di negara berkenaan dan pihaknya telah mengambil beberapa langkah segera sebelum ini dengan mengimport ba-

wang merah dari negara lain seperti China, Pakistan dan Mesir sebanyak 106,395 tan metrik.

"Kita import 60 peratus bekalan bawang merah dari beberapa negara untuk memenuhi keperluan dan permintaan di Malaysia. Daripada jumlah import itu, 70 peratus dari India tetapi negara tersebut telah melarang sepenuhnya eksport (bawang merah) kerana mereka juga mengalami kekurangan yang teruk akibat banjir.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Bazar Peduli Rakyat di Kampung Pelet di sini semalam yang dirasmikan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

Menurut laporan me-



Muhammad Faiz (tulis dari kanan) bersama Ishak (tengah) menjual bawang di bawah harga pasaran pada Program Bazar Peduli Rakyat di Kampung Pelet semalam. Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama FAMA, LKIM, PPK, Kampung Pelet, dan Pejabat ADUN Permatang Pasir.

dia, sebelum ini harga bagi sekilogram bawang merah adalah RM4, namun bahan itu kini dijual pada harga RM12 sekilogram.

Mengulas lanjut, Ishak berkata fenomena kenaikan harga bawang merah

itu hanya sementara sahaja dan beliau mencadangkan pengguna membeli bekalan bahan mentah tersebut di outlet FAMA, pasar tani anjuran FAMA, Bazar Peduli Rakyat dan MyBest kerana lebih mu-

rah lima hingga 20 peratus. Sementara itu, Ishak berkata, FAMA bercadang untuk mewujudkan Bazar Peduli Rakyat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) terutama di kawasan luar bandar di se-

luruh negara pada tahun depan bagi membantu orang ramai membeli keperluan harian dengan harga lebih murah.

Menurutnya, bazar yang menjual pelbagai produk pertanian, ikan dan ayam itu juga bagi membantu orang ramai menangani kesan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat serta ia juga peluang dan ruang untuk usahawan tempatan menambah pendapatan mereka.

"Sepanjang tahun ini, 18 lokasi tetap dan bermusim di seluruh negara telah mengadakan Bazar Peduli Rakyat membabitkan 68,373 pengunjung dan 618 usahawan. Jumlah nilai jualan yang berjaya dikutip sepanjang tempoh itu sebanyak RM1.026 juta dengan nilai penjimatan pelanggan RM133,328," katanya. - Bernama

Bekalan dijangka pulih Februari depan

Bukit Mertajam: Bekalan bekalan bawang yang melanda negara ketika ini hingga harganya naik sehingga tiga kali ganda, dijangka pulih Februari tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pemastanaan Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail, berkata ia disebabkan kekurangan jumlah import bawang merah terutama dari India susulan sekatan negara terbahit akibat banjir besar. Bagaimanapun, katanya, ia hanya bersifat sementara.

Katanya, Malaysia bukan negara tunggal yang terkesan dengan situasi ini, sebaliknya turut dialami negara pengimport lain.

"Kira-kira 60 peratus daripada bekalan bawang di negara ini diimport dengan India menjadi pengimport terbesar iaitu 70 peratus.

"Malaysia turut mengimport bawang merah dari China, Pakistan dan Mesir, namun kuantitinya kurang baik dibandingkan bawang India.

"Rakyat negara ini sudah biasa menggunakan bawang dari India, menyebabkan permintaan kurang dari negara lain agak kurang.

"Bagaimanapun, kekurangan bekalan dan kenaikan harga bawang banyak bersifat sementara dan kita jangka pulih Februari depan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan mesra di Bazar Peduli Rakyat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet dan penyerahan 'Jom Kongsi Rezeki' di si-



Muhammad Faiz (tiga dari kiri) bersama Ishak (kiri) melakukan tinjauan di Bazar Peduli Rakyat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet, Bukit Mertajam, semalam. (Foto Dania Saed/BH)

ni, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

Ishak berkata, jumlah import bawang besar dari India menyusut sejak tiga bulan lalu kepada 1,399 tan bulan ini, berbanding 3,131 tan pada November dan 4,742 tan pada Oktober, menandakan jumlah keseluruhan sepanjang tempoh itu hanya 9,272 tan.

"Dalam tempoh sama, jumlah

import bawang China adalah 41,280 tan, 28,018 tan dari Pakistan manakala Mesir sejumlah 2,644 tan," katanya.

Beliau berkata, FAMA akan mengambil beberapa langkah segera sebagai strategi jangka panjang bagi mengelak masalah sama berulang.

Katanya, antaranya ialah memulakan import bekalan dari negara lain dan bukan hanya bergantung kepada India.

Di Ipoh, harga bawang merah dan bawang besar di Pasar Besar Ipoh kekal tinggi.

Peniaga, Noorjahan Mohd Ibrahim, 41, berkata mereka terpaksa menggunakan bekalan daripada pemborong sama dan menjual pada harga tinggi.

"Kami belum mendapat bekalan bawang besar dari India, jadi kita gunakan bekalan dari Pakistan dan China yang dijual RM7 sekielogram.

Di Kota Bharu, bekalan bawang merah di Kelantan masih mencukupi walaupun berlaku kenaikan harga sehingga dijual antara RM8 hingga RM13 sekielogram.

KRISIS BAWANG

HANYA SEMENTARA

Fama jangka bekalan pulih Februari depan

Bernamea

Bukit Mertajam

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menjangkakan bekalan bawang merah India yang berkurangan sehingga berlaku kenaikan harga di negara ini pulih menjelang Februari tahun depan.

Pengerusi Fama, Ishak Ismail berkata, krisis kekurangan bekalan bawang India itu berlaku sejak tiga bulan lalu berikutan banjir di negara berkenaan dan pihaknya sudah mengambil beberapa langkah segera sebelum ini dengan mengimport bawang merah dari negara lain seperti China, Pakistan dan Mesir sebanyak 106,395 tan metrik.

"Kita import 60 peratus bekalan bawang merah dari beberapa negara untuk memenuhi keperluan dan permintaan di Malaysia. Darpada jumlah import itu, 70 peratus dari India, tetapi negara terbabit melarang sepenuhnya eksport (bawang merah) kerana mereka juga mengalami kekurangan yang teruk akhir."

bat banjir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Bazar Peduli Rakyat di Kampung Pelet yang dirasmikan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

Menurut laporan media,

sebelum ini harga sekilogram bawang merah adalah RM4, namun bahan itu kini dijual pada harga RM12 sekilogram.

Mengulas lanjut, Ishak berkata, fenomena kenaikan harga bawang merah itu hanya sementara dan beliau mencadangkan pengguna membeli bekalan bahan mentah itu di outlet Fama, pasar tani anjuran Fama, Bazar Peduli Rakyat dan MyBest kerana lebih murah lima hingga 20 peratus.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2019	THE STAR	NATION	6

Fama: Supply of Indian red onions to be restored by February

BUKIT MERTAJAM: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) expects disruption to the supply of Indian red onions that resulted in price hike recently to be restored by February.

Its chairman, Ishak Ismail, said problems pertaining to the supply of onions had occurred over the last three months due to floods that hit India, prompting Fama to import onions from China, Pakistan and Egypt.

"We import 60% of onions from several countries to meet the needs here. Of the total, 70% are from India, but the country has completely banned export (of onions) as they are suffering from severe flooding.

"Over the last three months, we have been importing onions from other countries amounting to 106,395 tonnes.

"From what I understand, India is also importing onions from China," he said after the 'Bazar Peduli Rakyat' (BPR) programme at Kampung Pelet here yesterday.

The programme was officiated by the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM) chairman, who is also Permatang Pasir assemblyman, Muhammad Faiz Fadzil.

Star
 EDUCATION
 FAIR
 2020

4 & 5 JANUARY

11AM TO 7PM

KLCC CONVENTION CENTRE



Renewable Energy and it's Potential in Malaysia

by **Dr Wong Kok Hoe**

Lecturer in Mechanical Department at
University of Southampton Malaysia

EDUCATION & CAREER TALKS

5 JANUARY (SUNDAY) 4.00PM - 4.30PM

— HALL 5 HOSPITALITY LOUNGE —

According to media reports, the price of Indian onions was previously at RM4 per kg, but is now being sold at RM12 per kg.

Ishak said the price increase was only temporary and he suggested consumers to shop at Fama outlets, Fama-organised farmers markets, BPR and MyBest as the item is five to 20% lower. — Bernama

PESAWAH RUGI RM2 JUTA

1,600 hektar tanaman padi ditenggelami banjir

Oleh Mohd Rafi
Mamat
am@hmetro.com.my

rompin

Kerugian lebih RM2 juta ditanggung 569 pesawah di daerah selepas sawah mereka tenggelami banjir selama seminggu hingga mezbahkan pokok padi mati.

Pengurus Besar Pertuhan Peladang Kawasan (PK) Rompin, Abdullah ahab berkata, banjir ang berlaku menyebabun pokok padi berumur minggu hingga sebulan ati selepas ditenggelami

Menurutnya, daerah a mempunyai kawasan

tanaman padi seluas 2,900 hektar, kira-kira 1,600 hektar ditenggelami banjir sepenuhnya membabitkan sawah di tujuh kampung terletak di bawah projek Paya Setajam dan Paya Sepayang.

Katanya, kejadian banjir tahun ini lebih buruk berbanding tahun lalu, rata-rata pesawah tidak menyangka paras air dalam petak sawah terlalu dalam hingga menenggelamkan pokok padi yang sedang membesar.

"PPK Rompin simpati dengan pesawah yang terpaksa menanggung kerugian antara RM2,000 hingga RM4,000 apabila tanaman padi mereka mausnah sepenuhnya ha-

nya dalam masa beberapa hari sahaja.

"Bencana banjir kali ini membabitkan 169 keluarga pesawah yang kebanyakan mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil padi," katanya pada Program Penyampaian Kid Bantuan Banjir kepada pesawah ahli PPK Rompin yang disempurnakan Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia, Datuk Mazlan Aliman di Dewan Terbuka Kampung Setajam, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Norlizah Mohamad dan Pengurus PPK Rompin, Datuk Md Rusli Ismail.

Headline	Schooling aid for 51 LPP employees' children		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	28 Dec 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	2	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	NULL	AdValue	RM 2,428
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,285



பிள்ளைகளின் பள்ளிப் பொருட்களை வாங்க வெ.150 மதிப்பிலான பற்றுச் சீட்டு மலேசிய விவசாயிகள் வாரியம் உதவி



● **எஸ்.சிவங்கடேவர்**
சுபாங் ஜெயா, டிச. 28-
விவசாயம் மற்றும்
வேளாண்மை சார்ந்த தொழில்
துறை அமைச்சின் கீழ் செயல்
பட்டு வரும் மலேசிய விவசாயி
கள் வாரியத்தின் (Lembaga
Pertubuhan Peladang)
ஏற்பாட்டில் அதன் ஊழியர்களின்
பிள்ளைகளுக்கு பள்ளிப்
பொருட்கள் வாங்குவதற்கு
இலவச பற்றுச் சீட்டு தரப்பட்டது.

சுபாங் ஜெயா, யுஎஸ்டீயில்
உள்ள மைடின் பேரங்காடியில்
இந்த பற்றுச் சீட்டு வழங்கும்
நிகழ்ச்சி நடைபெற்றது. இதில்
சிறப்புப் பிரமுகராக அமைப்பின்
தலைவர் டத்தோ மஸ்லான் பின்
அலிமான் கலந்து கொண்டு
ஊழியர்களுக்கு பற்றுச் சீட்டுகளை
வழங்கினார்.

மீண்டும் பள்ளிக்குப் போகலாம்
என்ற தலைப்பில் நடைபெற்ற
இந்த நிகழ்ச்சியில் அமைப்பின்

தலைமையகத்தில் பணி புரிந்து
வரும் 29 ஊழியர்களுக்கு அதிகப்
பட்சம் இரண்டு குழந்தைகள்
என்ற கணக்கில் மொத்தம் 51
பேருக்கு பற்றுச் சீட்டு வழங்கப்
பட்டது.

150 வெள்ளியிலான அந்த
பற்றுச்சீட்டைப் பயன்படுத்தி
அவர்கள் மைடின் பேரங்காடியில்
பள்ளிக்குத் தேவையான பொருட்
களை வாங்கலாம்; மாறாக அச்
சீட்டினைப் பணமாக மாற்றிக்

கொள்ள முடியாது என்பது குறிப்
பிடத்தக்கது.

நிகழ்ச்சியில் பேசிய டத்தோ
மஸ்லான், மலேசிய விவசாய
மக்கள் அமைப்பு அதன் உழியர்
களின் நலனில் என்றும் அக்கறை
கொள்கின்றது. அந்த வகையில்
அவர்களின் சுமை சிறிதளவு
குறையும் என்ற நம்பிக்கையில்
இந்தப் பற்றுச் சீட்டு வழங்கப்படு
கின்றது. இந்தப் பற்றுச் சீட்டு
தலைமையக ஊழியர்கள் மட்டு
மன்றி நாடு தழுவிய அளவில் 3
இடங்களில் அமைப்பின் ஊழி
யர்களுக்கு வழங்கப்படுகின்றது
என அவர் குறிப்பிட்டார்.

Harga bawang merah naik mendadak

Bawang dari Malaysia berlambak di Thailand

Bekalan disyaki diseludup kerana harga lebih mahal di negara jiran

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Padang Besa (Songkhla): Jika negara berdepan kekurangan bawang merah, bekalannya mudah diperolehi di pekan bersempadan Malaysia-Thailand ini sehingga berlaku lambakan.

Tinjauan BH di kawasan bersempadan Padang Besar, Malaysia semalam mendapati banyak stok bawang merah, bawang Holland dan bawang putih di setiap kedai runcit, terutama di sekitar Pasar Awam Padang Besa.

Dua jenis bawang merah dijual di pasar berkenaan, iaitu bawang

Thailand pada harga antara THB110 (RM15) hingga THB150 (RM20.50) serta bawang dari Malaysia yang dijual antara THB80 (RM11) hingga THB100 (RM13.70) sekilogram.

Penjualan bawang merah dari Malaysia menimbulkan tanda tanya kerana ketika berlaku kekurangan bekalan di kebanyakan negeri, kawasan sekitar sempadan di Thailand mempunyai lebih stok.

Penelitian pada karung bawang yang dijual menunjukkan alamat pengimport adalah syarikat dari Malaysia. Ia dikatakan diseludup ke negara jiran dan dijual secara terbuka.

Sumber mendakwa, penyeludupan bawang dari Malaysia berlaku sejak sekian lama berikutan harganya yang lebih rendah.

Sindiket penyeludupan 'mengeksport' bawang Malaysia ke negara jiran bagi mengaut keuntungan mudah berikutan harga di Thailand yang lebih tinggi.

"Menang berlaku penye-



Seorang peniaga membeli bawang secara borong untuk dijual di Padang Besa, Songkhla.

dupan bawang dan barangan subsidi lain ke Thailand sebelum ini kerana harganya yang terlalu murah di Malaysia.

"Kumpulan penyeludup dikatakan mempunyai beberapa premis yang dijadikan gudang transit sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand, sebelum dihantar ke bandar utama lain.

"Dengan kadar tularan mata wang Thailand yang lebih tinggi, kegiatan penyeludupan akan terus berlaku kerana barangan yang dijual di Malaysia menjadi semakin murah," katanya ketika ditemui BH.

Difahamkan, mereka tidak lagi menyeludup barangan bersub-sidi di kawasan Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, susulan pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Oktober lalu.

Sebaliknya, sindiket penyeludupan menggunakan taktik lebih licik mengupah individu tertentu membawa barangan subsidi dalam jumlah sedikit melalui lorong tikus di sepanjang sempadan sehingga sukar dikesan pihak berkuasa.

Sementara itu, peniaga Thailand, Chanchai Arthit, 30, berkata bawang Malaysia banyak dijual di kedai sekitar kawasan sempadan kerana harganya lebih murah berbanding bawang Thailand.

"Dahulu kami beli bawang Malaysia RM5 atau RM6 sekilogram, tetapi sekarang mahal sedikit.

"Bawang Malaysia boleh ditemui sehingga di kedai di Hatyai dan Songkhla, selain ada pemborong besar menjualnya secara pukal kepada pelanggan," katanya.

Difahamkan juga, kebanyakan pengusaha restoran di negara jiran itu lebih menggemari bawang Malaysia kerana harganya yang murah dan bekalannya mudah diperolehi.

LPP teroka penanaman elak bergantung negara luar

Kuala Lumpur: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan meneroka potensi perusahaan tanaman bawang merah bagi membantu mengurangkan ketergantungan kepada negara luar hingga berlaku krisis bekalan ketika ini.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman, berkata bawang merah mempunyai potensi berdasarkan permintaan tinggi hingga negara perlu membawa masuk bekalan dari India, Thailand, Filipina dan Pakistan.

Katanya, Bahagian Pengeluaran Ladang LPP akan membuat kajian mengenai yang perlu dilakukan dalam menentukan lokasi berseesuaian, selain pemilihan benih berkualiti dengan nasihat Jabatan Pertanian yang berpengalaman melaksanakan projek sama.

"Penanaman bawang merah perlu dilakukan di kawasan terbuka, tidak boleh bernaung di bawah pokok selain cuaca panas seperti di India yang menjadi pembekal utama di pasaran dunia termasuk ke Malaysia.

"Ia juga terdedah kepada serangan penyakit selain mencari kaedah penanaman sesuai untuk mengurangkan kos.

"Kita tidak boleh menanam pada kos tinggi bagi membolehkan ia dijual dengan harga berpatutan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Masalah kekurangan bekalan bawang merah India di negara ini dikesan berlaku sejak September lalu yang dipercayai susulan larangan eksport negara itu.

Mazlan berkata, Jabatan Pertanian pernah melaksanakan projek perintis tanaman bawang merah berskala besar di Mersing, Johor pada 1990-an bagi mengurangkan ketergantungan import, namun menemui kegagalan.



Kita tidak boleh menanam pada kos tinggi bagi bolehkan dijual dengan harga berpatutan.

Mazlan Aliman,
Pengerusi LPP



Chanchai Arthit menunjukkan bawang yang dibeli secara borong untuk dijual di kedai runcitnya, di Padang Besa, Songkhla. (Foto Sharul Hadz Zam/BH)